A

SUBRAMANIAM KRISHNA KUTTI

lwn.

GANESAN RENGASAMY & SATU KES LAGI

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MUAR
UMI KALTHUM MAJID PK
[RAYUAN SIVIL NO: 12-93-2006 & 12-95-2008]
15 OKTOBER 2010

C ***TORT:*** *Kemalangan jalanraya - Tuntutan - 'Nursing care' - Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Sesyen - Perkiraan amaun 'nursing care' - Faktor-faktor dipertimbangkan - Multiplier 12 tahun - 'Post trial lost of nursing care' berdasarkan 'life expectancy' - Sama ada amaun yang munasabah diberikan*

D ***TORT:*** *Kemalangan jalanraya - Liabiliti - Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Sesyen - Pengakuan defendan melanggar motosikal plaintif dari belakang - Sama ada defendan bertanggungan 100% - Sama ada keputusan Mahkamah Sesyen diketepikan*

E Pada 16 Januari 1999, jam 8 pagi, plaintif telah menunggang motosikalnya dari arah Muar ke Segamat apabila satu kemalangan telah berlaku di km 39 Jalan Muar-Segamat di antara motosikal yang ditunggang oleh plaintif dengan motosikal yang ditunggang oleh defendan. Kemalangan telah berlaku apabila motosikal
F defendan telah melanggar belakang motosikal plaintif. Akibat kemalangan itu plaintif mengalami kecederaan parah di kepalanya. Dalam Rayuan Sivil No. 12-93-2006 ('rayuan defendan') defendan telah hanya merayu terhadap sebahagian keputusan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen ("HMS") yang memutuskan bahawa tuntutan
G untuk nursing care plaintif sebanyak RM42,000 sebelum perbicaraan dan RM72,000 selepas perbicaraan. Dalam Rayuan Silang plaintif ('rayuan plaintif'), plaintif telah merayu terhadap keputusan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen itu yang memutuskan liabiliti plaintif adalah 10% dan defendan bertanggungan 90%.

H

Diputuskan:

(1) Dari keterangan saksi-saksi plaintif, khususnya isteri plaintif, serta laporan perubatan-perubatan pihak plaintif dan defendan,
I plaintif memang memerlukan nursing care memandangkan bahawa beliau mengalami kecederaan otak yang teruk. Plaintif telah berhenti kerja kerana beliau tidak boleh kerja, pening kepala tidak boleh bawa motosikal, dan telah terjatuh masa

berjalan kerana pening. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan plaintif boleh "pose a danger to himself and his family" jika tidak diawasi. Doktor Bala Ratnam sendiri telah mengambil maklum tentang keadaan kecederaan teruk otak plaintif di mana plaintif telah berada dalam "coma" dengan bacaan "Glasgow Coma Scale 7/15" yang menunjukkan "severe brain damage." Oleh itu, mahkamah ini menolak sebahagian rayuan defendan terhadap butiran nursing care dengan kos RM1,000 dan mengekalkan keputusan HMS mengenainya. (perenggan 5)

(2) Akan tetapi mahkamah membenarkan rayuan defendan terhadap perkiraan amaun nursing care dengan kos RM1,000 kerana HMS telah terkhilaf dari segi fakta apabila membuat perkiraan itu. Memandangkan bahawa isteri plaintif telah memberi keterangan bahawa anggaran kos untuk mendapat penjagaan plaintif adalah RM300 - RM400 sebulan maka HMS telah terkhilaf apabila telah mengawardkan sebanyak RM500 sebulan untuk penjagaan. Award HMS telah diketepikan dan digantikan dengan RM300 sebulan iaitu amaun yang sangat munasabah berdasarkan pasaran sumber manusia tempatan. Bagi kos nursing care, award HMS digantikan dengan jumlah RM68,400. Multiplier 12 tahun adalah bagi "post trial cost of nursing care" berdasarkan "life expectancy" 69.4 tahun dan umur plaintif pada masa perbicaraan adalah 51 tahun, tolak 1/3 "contingencies" enam tahun. Ianya tidak termasuk "pre trial cost of nursing care". Oleh itu hujahan defendan bahawa multiplier 12 tahun hendaklah merangkumi tempoh masa "pre-trial" serta "post-trial" ditolak. (perenggan 5)

(3) Bagi rayuan plaintif pula, adalah dihujahkan oleh plaintif bahawa defendan sepatutnya bertanggungan 100% terhadap berlakunya kemalangan itu. Rayuan silang plaintif ini dibenarkan dengan kos RM2,000 di mana keputusan HMS itu mengenai liabiliti diketepikan dan digantikan dengan defendan bertanggungan 100%. Berdasarkan keterangan yang diberi oleh defendan sendiri, defendan telah mengaku melanggar motosikal plaintif dari belakang. Defendan telah disaman pihak polis dan telah membayar kompaun (*Lee Thiam v. Fatimah Salleh*). (perenggan 6)

[Perintah seharusnya.]

Kes-kes yang dirujuk:
Bujang Mat & Anor v. Lai Tzen Hai & Anor [2004] 4 CLJ 127 HC ***(dirujuk)***
Lee Thiam v. Fatimah Salleh [1980] 1 LNS 167 FC ***(diikuti)***

Bagi pihak perayu - Anthony Joseph Param; T/n Chan & Chia
Bagi pihak responden - K Kulasekar; T/n L Kulasekar Achan & Assocs

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Umi Kalthum Majid PK:

Rayuan

[1] Dalam Rayuan Sivil No. 12-93-2006 ("rayuan defendan") perayu/defendan telah hanya merayu terhadap sebahagian keputusan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen di Muar ("HMS") yang diberikan pada 1 Disember 2006 yang memutuskan bahawa tuntutan untuk nursing care responden/plaintif sebanyak RM42,000 sebelum perbicaraan dan RM72,000 selepas perbicaraan.

Rayuan Silang

[2] Dalam Rayuan Silang Perayu/Plaintif No. 12-95-2008 ("rayuan plaintif), perayu/plaintif telah merayu terhadap keputusan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen itu yang memutuskan liabiliti plaintif adalah 10% dan defendan bertanggungan 90%.

[3] Bagi memudahkan rujukan dibuat dalam alasan penghakiman ini, saya akan menggunakan rujukan plaintif dan defendan di mana yang sesuai.

Fakta

[4] Plaintif adalah penunggang motosikal bernombor JDN 3021. Defendan adalah penunggang motosikal bernombor JCL 9360. Pada lebih kurang jam 8 pagi 16 Januari 1999, semasa plaintif menunggang motosikalnya dari arah Kuil India di Sagil hendak ke Sagil Estate, iaitu dari arah Muar ke Segamat, satu kemalangan telah berlaku di km 39 Jalan Muar-Segamat di antara motosikal yang ditunggang oleh plaintif dengan motosikal yang ditunggang

oleh defendan. Kemalangan telah berlaku apabila motosikal defendan telah melanggar belakang motosikal plaintif. Akibat kemalangan itu plaintif mengalami kecederaan parah di kepalanya.

Rayuan Defendan

[5] Saya menolak sebahagian rayuan defendan berkenaan dengan tuntutan nursing care itu dengan kos RM1,000 dan membenarkan sebahagian lagi dari segi perkiraan nursing care itu dengan kos RM1,000. Alasan-alasan saya adalah seperti berikut.

(a) Setelah saya membaca alasan penghakiman HMS, keterangan saksi-saksi plaintif, khususnya isterinya SP3, serta laporan perubatan-perubatan pihak plaintif dan defendan, saya berpendapat bahawa plaintif memang memerlukan nursing care memandangkan bahawa beliau mengalami kecederaan otak yang teruk. Saya tiada sebab untuk tidak bersetuju dengan dapatan fakta oleh HMS itu tentang aspek ini. HMS telah menyatakan di ms. 43 Rekod Rayuan:

> Mahkamah juga telah melihat ketika Plaintif beri keterangan di mana kecacatan mental Plaintif akibat kemalangan menyebabkan daya ingatan beliau amat berkurangan.

Dapatan fakta HMS ini adalah sama dengan keterangan isteri plaintif, SP3, di mana SP3 telah menyatakan:

(i) di ms. 28, Rekod Rayuan:

Q: Apa sebab awak jaga suami kamu?

Disebabkan oleh RTA beliau sering lupa - kadang kala dia buka dapur lupa nak tutup, terlupa nak pakai pakaian, tinggalkan pintu terbuka.

(ii) di ms. 29, Rekod Rayuan:

Q: Adakah selamat untuk biarkan suami awak seorang diri?

Tidak selamat.

Q: Apa alasan?

Kerana dia sering lupa apa yang dia buat. Oleh itu perlu ada orang menjaga.

(iii) semasa pemeriksaan semula, di ms. 32, Rekod Rayuan:

> Q: Awak dicadangkan yang suami awak berhenti kerja atas kehendak sendiri - apa sebab sebenarnya suami awak berhenti kerja?
>
> Sebab sebenarnya - beliau tidak boleh kerja, pening kepala tidak boleh bawa motosikal - dia jatuh masa jalan kena pening.

(b) Apabila plaintif memberi keterangannya di mahkamah, semasa pemeriksaan utama, beliau telah mengaku tidak ingat tentang kemalangan itu, beliau mengalami pening kepala, sakit kepala, sering kali lupa. Malah peguam defendan tidak langsung menyoal balas plaintif. Ini menunjukkan bahawa dapatan HMS itu berasas walaupun laporan doktor pakar defendan Dr Bala Ratnam, di ms. 108, Rekod Rayuan, telah menyatakan di perenggan 5:

> I feel this man should be able to lead an independent life at home. He will not require nursing care. However, he will not be able to secure any form of manual or physical work for the rest of his living life.

Laporan Dr Bala Ratnam itu adalah pada pendapat beliau dan itu pun beliau tidak dapat menyatakan dengan keyakinan bahawa plaintif "can lead an independent life at home". Beliau hanya menyatakan "this man should be able to lead an independent life". Bagaimana seseorang itu boleh berdikari jika beliau tidak ingat sesuatu, dan dalam keadaan fizikal yang tidak menentu seperti plaintif itu. Malah tidak keterlaluan jika saya mengatakan plaintif boleh "pose a danger to himself and his family" jika tidak diawasi. Lagi pun Dr Bala Ratnam sendiri telah mengambil maklum tentang keadaan kecederaan teruk otak plaintif di mana plaintif telah berada dalam "coma" dengan bacaan "Glasgow Coma Scale 7/15" yang menunjukkan "severe brain damage".

(c) Walaupun plaintif telah dapat pergi kerja selama satu tahun lebih selepas "sembuh" dari kecederaan, ini tidak bermakna bahawa beliau telah sembuh sehingga tidak perlu nursing care. Sebagaimana dinyatakan oleh isterinya, plaintif telah berhenti kerja kerana sebenarnya beliau tidak boleh kerja, pening kepala tidak boleh bawa motosikal - dia jatuh masa jalan kena pening. Perlu juga diingatkan bahawa keadaan kewangan plaintif

berkemungkinan besar memaksa beliau keluar bekerja walaupun dalam keadaan kesihatannya tidak mengizinkannya. Ketidakbolehan bekerja plaintif ini telah pun disahkan oleh Dr Bala sendiri.

(d) Oleh itu saya menolak sebahagian rayuan defendan terhadap butiran nursing care dengan kos RM1,000 dan mengekalkan keputusan HMS itu mengenainya.

(e) Akan tetapi saya membenarkan rayuan defendan terhadap perkiraan amaun nursing care dengan kos RM1,000 dan mengenepikan keputusan HMS itu kerana saya bersetuju dengan hujahan peguam cara defendan bahawa HMS telah terkhilaf dari segi fakta apabila membuat perkiraan itu. Memandangkan bahawa isteri plaintif telah memberi keterangan bahawa anggaran kos untuk mendapat penjagaan plaintif adalah RM300 - RM400 sebulan maka saya dapati HMS telah terkhilaf apabila telah mengawardkan sebanyak RM500 sebulan untuk penjagaan. Saya mengenepikan award HMS itu dan menggantikannya dengan RM300 sebulan. Bagi saya, RM300 sebulan adalah sangat bermunasabah berdasarkan pasaran sumber manusia tempatan.

(f) Memandangkan bahawa asas perkiraan HMS itu, yang adalah berdasarkan keputusan kes *Bujang Mat v. Lai Tzen Hai & Anor* [2004] 4 CLJ 127, tidak dipertikaikan oleh pihak defendan, serta multiplier yang digunakan oleh HMS itu juga tidak dipertikaikan maka bagi kos nursing care saya menggantikan award HMS itu dengan yang berikut:

Cost of nursing care for 12 years

RM300 x 12 months x 12 years = RM43,200

1. For pre trial cost of nursing care:
(16.1.99 - 27.3.2006) = 7 years x 12 months
x RM300 = RM25,200

2. For post trial cost of nursing care = RM43,200

Total RM68,400

A (g) Multiplier 12 tahun itu adalah bagi "post-trial cost of nursing care" berdasarkan "life expectancy" 69.4 tahun dan umur plaintif pada masa perbicaraan adalah 51 tahun, tolak 1/3 "contingencies" enam tahun. lanya tidak termasuk "pre trial cost of nursing care." Oleh itu saya menolak hujahan defendan
B bahawa multiplier 12 tahun itu hendaklah merangkumi tempoh masa "pre-trial" serta "post-trial" itu.

Rayuan Plaintif

C **[6]** Adalah dihujahkan oleh plaintif bahawa defendan sepatutnya bertanggungan 100% terhadap berlakunya kemalangan itu. Adalah diperhatikan bahawa HMS telah dalam alasan penghakimannya di ms. 42 dan 44 Rekod Rayuan mendapati defendan bertanggungan 100%. Akan tetapi dalam nota keterangan beliau di ms. 40 Rekod
D Rayuan, HMS tersebut telah mendapati defendan 90% bertanggungan dan plaintif 10% bertanggungan; kedudukan beliau ini dicerminkan dalam penghakiman termeterai di ms. 6 - 8, Rekod Rayuan Tambahan. Kedudukan yang meragukan inilah yang menyebabkan plaintif memfailkan rayuan silangnya.

E **[7]** Saya membenarkan rayuan silang plaintif dengan kos RM2,000 di mana keputusan HMS itu mengenai liabiliti diketepikan dan digantikan dengan defendan bertanggungan 100%. Saya bersetuju dengan hujahan peguam cara plaintif bahawa berdasarkan keterangan yang diberi oleh defendan sendiri, baik
F semasa pemeriksaan utama, pemeriksaan balas mahupun semasa pemeriksaan semula, bahawa defendan telah mengaku melanggar motosikal plaintif dari belakang. Bahawa oleh itulah defendan telah disaman oleh pihak polis dan telah membayar kompaun. Prinsip kes Mahkamah Persekutuan *Lee Thiam v. Fatimah Salleh* [1980] 1 LNS
G 167 adalah terpakai dalam kes ini.

H

I